

Faktor kekaburan ilmu tasawuf di Malaysia

bicara tasawuf

Oleh DATUK ZAKARIA STAPA
(Bekas Profesor Fakulti Pengajian Islam dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia)



ruang dan pendedahan dalam kehidupan harian masyarakat, ilmu tasawuf - sekali pun ia juga merupakan antara komponen utama dalam keseluruhan ajaran Islam - agak terisah dan tidak diberi pendedahan yang sewajarnya.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga faktor utama yang menjadi penyebab mengapa disiplin ilmu tasawuf menjadi terpinggir, sehingga tidak difahami dengan baik oleh kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

1 Disiplin ilmu tasawuf tidak dimasukkan ke dalam sokatan pelajaran Pendidikan Islam yang diajarkan kepada para pelajar Muslim dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia.

■ Ia termasuk silibus khusus untuk sekolah-sekolah

menengah kebangsaan agama yang ada di seluruh negara.

■ Perkara sama juga berlaku kepada silibus untuk aliran sekolah agama-Arab yang kebanyakannya dikelola oleh majlis-majlis atau jabatan-jabatan agama negeri dan sekolah-sekolah agama rakyat.

■ Peringkat menengah atas iaitu tingkatan enam, juga tiada mata pelajaran ilmu tasawuf. Silibus peringkat ini hanya memberi rumpuan kepada akhlak yang langrunng tidak dikaitkan dengan ilmu tasawuf.

■ Hanya peringkat pengajian di universiti, barulah mata pelajaran ini diperkenalkan. Itu pun untuk kalangan pelajar yang mengkhususkan dalam bidang pengajian Islam.

■ Kalangan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat universiti terhadap

bilangannya, di samping pelajar yang membuat pengkhususan dalam bidang pengajian Islam pula hanya sebilangan kecil sahaja. Maka, jelaslah bahawa pendedahan ilmu ini menerusi pengajian formal kepada warga Muslim Malaysia sememangnya amat terhad sekali.

■ Pengajian tidak formal yang diadakan di masjid dan surau, seperti dapatan daripada kajian di Kelantan juga tidak memasukkan ilmu tasawuf dan tarekat sebagai antara mata pelajaran yang diajar.

■ Apa yang diajar hanyalah aspek akhlak yang langsung tidak dihubungkan dengan disiplin tasawuf. Alasan yang dibenarkan ialah kerana isi kandungan asas ilmu tasawuf agak tinggi dan mendalam, dengan itu ia dikatakan tidak sesuai untuk golongan awam dan kalangan remaja.

2 Faktor kaitan disiplin ilmu tasawuf dengan permasalahan ajaran sesat di Malaysia.

■ Berdasarkan pengalaman Malaysia dalam menangani permasalahan akidah umat Islam, boleh disimpulkan bahawa disiplin kerohanian Islam atau ilmu tasawuf termasuk juga tarekat dijadikan 'kuda tunggangan' oleh golongan yang terlibat dalam kancab ajaran sesat.

■ Dengan gaya anyaman yang cukup seni dan halus, disiplin tasawuf dan tarekat dimanipulasi dan dieksploitasi secara menyeleweng untuk kepentingan jahat ajaran sesat berkenaan.

■ Prof. Dr. Abdulfatah Ibrahim di dalam bukunya, *Beberapa Masalah Utama Dalam Tasawuf*, menulis bahawa apabila disebut sahaja ajaran sesat, biasanya telunjuk mengarahkan kepada

BUKU ini ditulis dengan cukup baik bagi menjawab tuduhan terhadap ilmu tasawuf namun malangnya tidak semua anggota masyarakat berpeluang membacanya.



tarekat-tasawuf.

■ Ungkapan tersebut menggambarkan betapa dalamnya keterlibatan ilmu tasawuf dan tarekat dalam keseluruhan kerangka ajaran sesat. Ia sudah bagaikan sesuatu yang teranyam rapi lalu menjadi semacam sinonim.

3 Merujuk kepada gerakan 3 Salah-Wahabi yang menolak disiplin ilmu tasawuf sebagai disiplin ilmu yang sah dalam Islam.

■ Pegangan golongan ini dipromosi dalam pelbagai ceramah dan seminar yang kemudiannya dimuatkan ke dalam media sosial untuk sebaran kepada khalayak Muslim.

■ Mereka juga menulis buku untuk menjelaskan sikap mereka mengenai ilmu tasawuf seperti yang dilakukan, misalnya oleh Rasid Dahari yang menulis buku, *'Bahaya Tarekat/Tasawuf Terhadap Masyarakat'*.

■ Buku ini secara terang-terangan menyatakan bahawa disiplin ilmu tasawuf dan tarekat sebagai ilmu yang bertentangan dengan syarak dan mesti ditolak oleh orang yang memiliki akal fikiran waras.

■ Walaupun buahan Rasid Dahari ibisangkal secara ilmiah menerusi analisis cukup menarik dan meyakinkan oleh Nardi Achie seperti yang tertera dalam bukunya, *Fitnah Sufi: Fatamorgana Tasawuf, Fenomena*

Tarekat', namun tidak semua ahli masyarakat berpeluang membaca sanggahan yang dibuat misalnya oleh Nardi Achie tersebut.

KESIMPULAN

Adalah jelas bahawa ketiga-tiga faktor utama yang diuraikan di atas membenarkan sumbangan cukup bermakna kepada berlakunya ketidakfahaman dan kekehuran tentang selak belok ilmu tasawuf kepada sebahagian besar umat Islam di Malaysia.

Sumbangan ketiga-tiga faktor utama itu seolah-olahnya dapat digambarkan bahawa pada satu pihak pengajaran pendidikan Islam di sekolah tidak mendedahkan ilmu berkenaan sebagai sebahagian daripada silibus, sedangkan di tengah-tengah kehidupan bermasyarakat pula tidak juga dibendakan secara tidak formal, malahan ilmu tersebut pula dianggap

bagikan sains ilmu yang sinonim dengan ajaran sesat dan dipromosi sebagai buahan sebahagian daripada ilmu Islam. Dalam keadaan sedemikian sudah pernah disiplin ilmu ini menjadi garib terpinggir dan tidak menjadi perhatian. Garipada kandungan ilmu-ilmu agama yang diteliti dalam kandungan ilmiah.

Dalam hal peristiwanya, istilah ilmu agama dalam konteks kefahaman umat Islam semasa di Malaysia, adalah tidak termasuk ilmu tasawuf dan tarekat.

Ilmu tasawuf kebanyakannya menjadi 'kuda tunggangan' oleh kumpulan yang terlibat dengan ajaran sesat. - GAMBAR KUNCI